



SIARAN MEDIA

YWM ANJUR PROGRAM MADANI MEMBANTU: ZIARAH KASIH RAHMAH (ZIKIR) 2026 BERSAMA KOMUNITI BEHRANG, PERAK

Behrang, 7 Februari 2026 – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) hari ini telah menganjurkan Program MADANI Membantu: Ziarah Kasih Rahmah (ZIKIR) 2026 di Dewan Sri Tanjong, Majlis Daerah Tanjong Malim, Perak sebagai manifestasi komitmen Kerajaan MADANI dalam membantu dan menyantuni masyarakat secara inklusif berteraskan nilai ihsan.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM. Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Yayasan Waqaf Malaysia, Jawatankuasa Masjid Al-Hidayah Behrang 2020, agensi - agensi kerajaan persekutuan dan negeri, rakan strategik dan sukarelawan dalam memperkasa kesejahteraan komuniti setempat.

Pelaksanaan program ini memberi fokus kepada pendekatan turun padang bagi memahami keperluan masyarakat serta menyalurkan bantuan secara terus kepada golongan sasaran. **Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk penyampaian kotak makanan kepada 150 ketua isi rumah dan menyantuni lebih 500 masyarakat sekitar melalui pemberian petrol percuma dan program sarapan percuma kepada komuniti setempat sebagai usaha meringankan beban kos sara hidup rakyat dan meningkatkan kesejahteraan sosial.**

Selain itu, agensi terlibat turut menawarkan perkhidmatan seperti kaunter wakaf, khidmat nasihat serta pemeriksaan kesihatan percuma bagi memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan secara terus di satu lokasi. Program ini turut menzahirkan peranan masjid sebagai pusat pembangunan komuniti melalui pelaksanaan inisiatif di

Masjid Al-Hidayah Behrang 2020 termasuk pemasangan sistem solar, penyediaan kemudahan komuniti dan penambahbaikan fasiliti masjid.

Melalui pelaksanaan inisiatif **Wakaf Masjid Hijau** oleh YWM iaitu **pemasangan sistem solar dengan nilai sumbangan wakaf sebanyak RM60,000 telah berjaya mengurangkan kos utiliti masjid secara signifikan**. Penjimatan tersebut dimanfaatkan semula bagi tujuan pengimarahkan masjid, pelaksanaan program keilmuan serta bantuan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan.

Sebagai usaha memperkukuh pembangunan pendidikan generasi muda, YWM turut **mengumumkan pemberian pakej langganan Waqf Go Learning kepada anak-anak Behrang yang terpilih serta menggalakkan penyertaan dalam program biasiswa myWaqfPTPTN bagi menyokong akses pendidikan yang lebih inklusif dan mampan**.

Penganjuran Program MADANI Membantu: Ziarah Kasih Rahmah (ZIKIR) 2026 ini menjadi pemangkin kepada pengukuhan semangat kebersamaan, peningkatan kesejahteraan masyarakat serta manfaat program kebajikan berteraskan wakaf sejajar dengan nilai Malaysia MADANI.

– TAMAT –

Yayasan Waqaf Malaysia
7 Februari 2026

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my